

Untuk Siaran Segera

LHDNM/2020/05/10 - 38

RAYUAN BANTUAN PRIHATIN NASIONAL (BPN) DIBUKA SEHINGGA 31 MEI 2020

1. Berdasarkan pangkalan data Bantuan Sara Hidup (BSH) dan data cukai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM), seramai **8.3 juta penerima** telah diluluskan untuk **fasa pertama Bantuan Prihatin Nasional (BPN)** dengan jumlah peruntukan **RM9.3 bilion**.
2. Sistem BPN telah dibuka untuk tujuan permohonan baharu dan rayuan daripada 1 hingga 30 April 2020 bagi mereka yang tiada dalam pangkalan data BSH dan percukaian.
3. Sejumlah **2.3 juta permohonan baharu dan rayuan BPN** telah diluluskan dengan implikasi kewangan sebanyak **RM1.7 bilion**. **Kelulusan dibuat berdasarkan semakan silang dengan pangkalan data yang terkini daripada sepuluh (10) agensi Kerajaan yang berkaitan** seperti Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), LHDNM, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN).
4. **Untuk memastikan hanya mereka yang betul-betul layak sahaja menerima BPN semakan data telah dibuat dengan amat teliti. Semakan ini juga bertujuan untuk mengelak sebarang penipuan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.**

5. Kerajaan telah mendapati terdapat banyak rungutan terutamanya melalui media sosial daripada mereka yang telah ditolak permohonannya. Antara sebab utama permohonan ditolak adalah kerana pemohon mempunyai pendapatan yang melebihi syarat BPN. Pelbagai sebab lain termasuk tidak mematuhi syarat tertentu seperti kelayakan umur, status pelajar sepenuh masa dan lain-lain. Contohnya, terdapat 240,465 permohonan diterima daripada pelajar sepenuh masa sedangkan mereka tidak layak mendapat BPN, kerana telah layak mendapat RM200 menerusi bantuan pelajar institusi pengajian tinggi secara *one-off*.
6. Kerajaan juga menerima aduan antara permohonan yang ditolak adalah daripada pemohon yang telah kehilangan pekerjaan atau mengalami pengurangan pendapatan yang ketara baru-baru ini. Justeru, **pemohon boleh membuat rayuan untuk pertimbangan semula dengan mengemukakan dokumen sokongan yang membuktikan kehilangan pekerjaan atau pengurangan pendapatan. Rayuan boleh dibuat melalui e-mel kepada LHDNM (rayuanbpn@hasil.gov.my) atau hadir di mana-mana pejabat LHDNM.**
7. Bagi permohonan yang ditolak atas alasan lain, termasuk pemohon/pasangan mempunyai syarikat yang berdaftar dengan SSM, pemohon juga boleh membuat rayuan dengan mengemukakan dokumen sokongan yang menunjukkan jumlah pendapatan terkini.
8. **Tempoh permohonan rayuan bagi BPN akan dilanjutkan sehingga 31 Mei 2020 manakala pejabat LHDNM akan dibuka bermula 11 Mei 2020 atau 12 Mei 2020 (berdasarkan hari bekerja di setiap negeri) bagi menerima rayuan tersebut.** Rayuan akan diberi pertimbangan yang sewajarnya bagi memastikan mereka yang menepati syarat BPN akan menerima bantuan tersebut.
9. Orang ramai boleh mendapatkan maklumat lanjut berkaitan BPN dengan melayari portal rasmi LHDNM di <https://bpn.hasil.gov.my>.



#

SEKIAN, TERIMA KASIH



Dikeluarkan Oleh:

**Dato' Sri Dr. Sabin bin Samitah | Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

☎ : 03-8313 8888 samb. 21658/21666/21965/21674/21663 | 📠 : 03-8313 7873

Hasil Care Line : 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (luar negara)

Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 10 Mei 2020



LAMPIRAN 1



**SOALAN LAZIM MENGENAI PERMOHONAN BAHARU DAN RAYUAN
BANTUAN PRIHATIN NASIONAL (BPN)**

- 1. Apakah yang dimaksudkan dengan status permohonan adalah “DALAM PROSES” atau “DALAM PROSES RAYUAN”?**

Status “DALAM PROSES” atau “DALAM PROSES RAYUAN” adalah merujuk kepada permohonan baharu atau rayuan BPN yang telah diterima dan sedang dalam proses semakan bagi menentukan kelayakan.

- 2. Bilakah kelulusan status permohonan baharu dan rayuan BPN akan dipaparkan?**

Status kelulusan permohonan baharu dan rayuan BPN akan dipaparkan di Portal BPN, <https://bpn.hasil.gov.my> mulai 9 Mei 2020.

- 3. Bilakah tarikh pembayaran bagi permohonan baharu dan rayuan BPN yang telah lulus akan dibuat?**

Pembayaran sekali gus akan dibuat seperti berikut:

- i. Kaedah pembayaran secara pengkreditan terus ke akaun bank penerima akan diproses secara berperingkat **mulai 15 Mei 2020**.
- ii. Sekiranya paparan di Portal BPN menunjukkan Tiada Akaun atau status pengkreditan adalah Gagal Kredit, pembayaran akan dilakukan secara tunai di Kaunter Bank Simpanan Nasional (BSN). Pemohon perlu membawa MyKad dan Nombor Siri yang dipaparkan pada Maklumat Pembayaran di Portal BPN, <https://bpn.hasil.gov.my>. Tarikh pembayaran secara tunai akan dimaklumkan kelak.

- 4. Bilakah tarikh akhir penerimaan bayaran secara tunai BPN di Kaunter BSN boleh dibuat?**

Penerima perlu membuat penunaian di Kaunter BSN selewat-lewatnya pada 31 Disember 2020.



5. Berdasarkan semakan status permohonan baharu atau rayuan BPN mendapati saya berstatus Tidak Lulus. Apakah yang perlu saya lakukan?

Semakan kelulusan dikategorikan sebagai Tidak Lulus berdasarkan beberapa alasan berikut:

Bil.	Alasan Tidak Lulus
1.	Pemohon tidak melepasi syarat kelayakan had umur memohon
2.	Semakan rekod agensi mendapati pendapatan Pemohon / Pasangan melebihi RM8,000
3.	Semakan rekod agensi mendapati pendapatan Pemohon melebihi RM4,000
4.	Semakan mendapati pemohon merupakan pelajar
5.	Tidak layak kerana pemohon / pasangan mempunyai syarikat berdasarkan data agensi (SSM). Walau bagaimanapun, pemohon boleh memohon Geran Khas Prihatin (GKP) melalui https://gkp.hasil.gov.my jika berkelayakan.
6.	Status kahwin dengan maklumat yang sama

Pemohon boleh hadir ke LHDNM dengan mengemukakan dokumen sokongan di kaunter LHDNM atau dengan mengemukakan e-mel ke rayuanbpn@hasil.gov.my mulai 11 Mei 2020 sehingga 31 Mei 2020.

6. Adakah saya boleh mengemukakan rayuan sekiranya permohonan saya berstatus Tidak Lulus?

Kelulusan yang dipaparkan di Portal BPN adalah berdasarkan maklumat terkini dalam pangkalan data agensi kerajaan. Rayuan BPN boleh dibuat dengan mengemukakan dokumen sokongan dengan hadir ke kaunter LHDNM atau mengemukakan e-mel ke rayuanbpn@hasil.gov.my mulai 11 Mei 2020 sehingga 31 Mei 2020

7. Saya tidak berjaya membuat permohonan baharu atau rayuan BPN. Adakah saya masih berpeluang membuat permohonan?

Tarikh permohonan BPN telah berakhir pada 30 April 2020, walau bagaimanapun pemohon boleh mengemukakan dokumen sokongan rayuan dengan hadir ke kaunter LHDNM atau mengemukakan melalui e-mel ke rayuanbpn@hasil.gov.my mulai 11 Mei 2020 sehingga 31 Mei 2020

8. Saya telah lulus permohonan baharu, walau bagaimanapun akaun yang didaftarkan adalah tidak aktif. Bagaimanakah status bayaran BPN saya?

Bagi pemohon yang ada melaporkan maklumat akaun bank semasa permohonan baharu atau rayuan BPN, tetapi proses pengkreditan berstatus Gagal Kredit ke akaun tersebut, tarikh penunaian bagi tuntutan bayaran BPN berkenaan akan dimaklumkan kelak.

9. Saya berstatus kahwin yang mempunyai perniagaan pemilikan tunggal atau bekerja sendiri, adakah saya layak untuk BPN?

Kelayakan BPN akan berasaskan kepada beberapa kriteria. Pemohon dipohon agar datang ke kaunter LHDN antara 11 Mei 2020 sehingga 31 Mei 2020.

Pemohon juga boleh membuat permohonan Geran Khas Prihatin (GKP) melalui Portal GKP, <https://gkp.hasil.gov.my> jika perniagaan pemilikan tunggal berkenaan memenuhi kelayakan.

10. Saya berstatus bujang yang tidak bekerja tetapi mempunyai perniagaan pemilikan tunggal, adakah saya layak untuk BPN?

Kelayakan BPN akan berasaskan kepada beberapa kriteria. Pemohon dipohon agar datang ke kaunter LHDN antara 11 Mei 2020 sehingga 31 Mei 2020.

Pemohon boleh membuat permohonan Geran Khas Prihatin (GKP) melalui Portal GKP, <https://gkp.hasil.gov.my> jika perniagaan pemilikan tunggal berkenaan memenuhi kelayakan.

11. Semasa tahun akhir di universiti, saya telah diminta untuk mendaftarkan perniagaan di bawah Program 1 Pelajar 1 SSM. Adakah pendaftaran perniagaan ini memberi kesan kepada kelayakan amaun BPN yang sepatutnya saya terima?

Pendaftaran perniagaan di bawah Program 1 Pelajar 1 SSM tidak akan memberikan kesan kepada kelayakan amaun BPN yang layak diterima.

12. Saya telah lulus BPN dengan amaun yang diterima adalah RM1,000 (bagi yang berkahwin) atau RM500 (bagi yang bujang) sedangkan pendapatan saya layak untuk menerima BPN dengan jumlah RM1,600 atau RM800 kerana saya mempunyai perniagaan. Di manakah saya boleh menyemak rekod pendaftaran perniagaan ini?

Penerima boleh membuat semakan maklumat perniagaan yang disenaraikan atas dirinya atau pasangan melalui Hasil Care Line di talian 03-89111000 atau hubungi pejabat LHDNM yang berdekatan.

13. Adakah pemohon yang mempunyai rekod pendaftaran syarikat di SSM akan berstatus Tidak Layak secara automatik ataupun kelulusan akan berdasarkan rekod pendapatan syarikat berkenaan?

Kelulusan adalah berdasarkan data daripada agensi yang disenaraikan di dalam Soalan Lazim Status Tidak Lulus Bagi Permohonan Baharu & Rayuan BPN dengan kod alasan 53 (sila rujuk Lampiran 2).

14. Mengapakah individu yang tidak lagi bekerja (hilang pekerjaan) dalam tahun 2020 tidak layak menerima BPN?

Kelulusan adalah berdasarkan data daripada agensi yang disenaraikan di dalam Soalan Lazim Status Tidak Lulus Bagi Permohonan Baharu & Rayuan BPN dengan kod alasan 45 dan 46 (sila rujuk Lampiran 2).



15. Mengapakah terdapat permohonan isi rumah yang berpendapatan antara RM4,001 hingga RM8,000 tetapi berstatus Tidak Layak?

Kelulusan adalah berdasarkan data daripada agensi yang disenaraikan di dalam Soalan Lazim Status Tidak Lulus Bagi Permohonan Baharu & Rayuan BPN dengan kod alasan 45 (sila rujuk Lampiran 2).

16. Setelah kelulusan keluar baru saya sedar permohonan adalah menggunakan Nombor Kad Pengenalan yang salah. Adakah saya boleh merayu atau membetulkan maklumat pengenalan diri tersebut?

Mohon rujuk jawapan bagi soalan 6.

17. Rayuan saya ditolak atas alasan mempunyai pendapatan melebihi RM8000 sedangkan saya telah kehilangan kerja.

Pemohon boleh hadir ke LHDNM dengan mengemukakan dokumen berkaitan pemberhentian bekerja dalam tempoh rayuan mulai 11 Mei 2020 sehingga 31 Mei 2020.

18. Saya adalah pelajar pasca siswazah separuh masa, adakah saya layak menerima BPN?

Pemohon boleh mengemukakan dokumen mengesahkan yang pemohon telah bekerja bagi dipertimbangkan rayuan berkenaan mulai 11 Mei 2020 sehingga 31 Mei 2020.

19. Saya mempunyai pendapatan serupa dengan rakan saya tetapi menerima BPN yang berbeza. Kenapa?

Kelulusan BPN adalah berdasarkan maklumat terkini dalam pangkalan data agensi Kerajaan. Sekiranya ada kekhilafan, pemohon boleh datang ke cawangan LHDNM atau mengemukakan soalan melalui e-mel ke rayuanbpn@hasil.gov.my mulai 11 Mei 2020 hingga 31 Mei 2020 untuk pencerahan.

20. Saya mempunyai perniagaan yang berdaftar dengan SSM tetapi tidak aktif. Adakah saya layak menerima BPN?

Pemohon boleh mengemukakan dokumen bagi mengesahkan perniagaan yang didaftarkan adalah tidak aktif.

21. Saya mempunyai perniagaan yang berdaftar dengan SSM tetapi pendapatan saya kurang daripada RM8000 sebulan, kenapa saya tidak layak menerima BPN?

Pemohon boleh mengemukakan dokumen bagi mengesahkan pendapatan perniagaan yang dijalankan mulai 11 Mei 2020 sehingga 31 Mei 2020.

LAMPIRAN 2



SOALAN LAZIM MENGENAI STATUS TIDAK LULUS BAGI PERMOHONAN BAHARU DAN RAYUAN BANTUAN PRIHATIN NASIONAL (BPN)

Semakan mendapati permohonan baharu atau rayuan BPN saya tidak lulus. Apakah keterangan alasan berkenaan status tidak lulus tersebut?

Semakan kelulusan dikategorikan sebagai Tidak Lulus berdasarkan beberapa keterangan alasan berikut:

Bil	Alasan tidak lulus	Keterangan Alasan
16	Pasangan telah memohon sebagai IBT/ Bujang (AB VS B)	Semakan mendapati pasangan yang dikemukakan semasa permohonan baharu atau rayuan BPN telah memohon sebagai Ibu Bapa tunggal / bujang dan telah diluluskan.
17	Kahwin Dengan Maklumat Yang Sama (AB) vs (BA)	Semakan mendapati pasangan yang dikemukakan semasa permohonan baharu atau rayuan BPN telah memohon BPN sebagai status kahwin dan meletakkan pemohon sebagai pasangan.
18	Kahwin Dengan Maklumat Yang Berbeza (AB) vs (BC)	Semakan mendapati pasangan yang dikemukakan semasa permohonan baharu atau rayuan BPN telah memohon BPN sebagai status kahwin dengan mengemukakan maklumat pasangan yang lain.
19	Kahwin Dengan Maklumat Pasangan Yang Sama (AB) vs (CB)	Semakan mendapati pasangan yang dikemukakan semasa permohonan baharu atau rayuan BPN wujud sebagai pasangan di permohonan lain.
29	Pemohon berstatus kahwin tetapi maklumat pasangan tidak lengkap	Status yang dikemukakan semasa mengisi permohonan BPN adalah status kahwin tetapi tiada maklumat pasangan.

35	Pasangan meninggal dunia	Maklumat pasangan yang dikemukakan telah meninggal dunia berdasarkan semakan semula dengan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN).
43	Pemohon tidak melepasi syarat kelayakan had umur memohon	Semakan mendapati pemohon tidak melepasi syarat kelayakan umur untuk memohon BPN. Syarat kelayakan memohon BPN adalah berumur 21 tahun dan ke atas bagi bujang, manakala bagi Ibu atau Bapa Tunggal / Balu / Janda / Duda adalah berumur 18 tahun dan ke atas.
45	Semakan rekod agensi mendapati pendapatan Pemohon / Pasangan melebihi RM8,000	Semakan mendapati pemohon / pasangan mempunyai pendapatan melebihi syarat kelayakan yang telah ditetapkan iaitu pendapatan melebihi RM8,000 dan ke atas berdasarkan data daripada: <ul style="list-style-type: none"> i. Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM), ii. Jabatan Akauntan Negara (termasuk Polis Diraja Malaysia), iii. Bendahari Negeri Seluruh Malaysia, iv. Angkatan Tentera Malaysia (ATM), v. Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), vi. Kumpulan Wang Persaraan (KWAP), dan vii. Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)
46	Semakan rekod agensi mendapati pendapatan Pemohon melebihi RM4,000	Semakan mendapati pemohon / pasangan mempunyai pendapatan melebihi syarat kelayakan yang telah ditetapkan iaitu pendapatan melebihi RM4000 dan ke atas berdasarkan data daripada: <ul style="list-style-type: none"> i. Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM),

		<p>ii. Jabatan Akauntan Negara (termasuk Polis Diraja Malaysia),</p> <p>iii. Bendahari Negeri Seluruh Malaysia,</p> <p>iv. Angkatan Tentera Malaysia (ATM),</p> <p>v. Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP),</p> <p>vi. Kumpulan Wang Persaraan (KWAP), dan</p> <p>vii. Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)</p>
48	Semakan mendapati pemohon merupakan pelajar	Semakan dengan data daripada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Majlis Amanah Rakyat (MARA) mendapati pemohon merupakan pelajar dan tidak menepati syarat kelayakan memohon.
50	Maklumat Pengenalan Pemohon Berbeza Dengan Semakan Data Agensi	Semakan dengan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) mendapati pemohon telah memohon dengan menggunakan maklumat pengenalan yang tidak tepat.
53	Tidak layak kerana pemohon / pasangan mempunyai syarikat berdasarkan data agensi	Semakan dengan data Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM), mendapati pemohon / pasangan mempunyai syarikat. Semakan dibuat berdasarkan data terkini yang dikemukakan oleh agensi iaitu aktif sehingga 31 Disember 2019. Pemohon boleh memohon Geran Khas Prihatin (GKP) melalui https://gkp.hasil.gov.my berdasarkan kelayakan yang ditetapkan.

Namun demikian, pemohon boleh mengemukakan rayuan berdasarkan penerangan di soalan 6 Lampiran 1.